



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 53  
No. 13

25hb Jun 2009

TAMBAHAN No. 58  
PERUNDANGAN (B)

---

---

P.U. (B) 201.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KOD ETIKA HAKIM 2009

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEWAJIPAN MEMATUHI KOD

4. Kewajipan mematuhi Kod

025130

## PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

## KOD ETIKA HAKIM 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3B) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan selepas berunding dengan Perdana Menteri, menetapkan kod etika yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kod etika ini bolehlah dinamakan **Kod Etika Hakim 2009**.
- (2) Kod ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2009.

**Pemakaian**

2. (1) Kod ini bertujuan untuk menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan kehakiman yang tinggi.
- (2) Kod ini hendaklah terpakai bagi seseorang hakim sepanjang tempoh perkhidmatannya.

**Tafsiran**

3. Dalam Kod ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak lelaki atau anak perempuan hakim” termasuklah—

- (a) anak posthumus dan anak tiri yang ditanggung oleh hakim itu; dan
- (b) anak yang diambil sebagai anak angkat hakim itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan keterangan yang memuaskan mengenai pengangkatan itu;

“anggota keluarga hakim” termasuklah—

- (a) suami atau isteri hakim itu;
- (b) anak lelaki atau anak perempuan hakim itu;
- (c) menantu lelaki atau menantu perempuan hakim itu;
- (d) mana-mana orang yang tinggal serumah dengan hakim itu;

